

05 MAY 1998

TABUNG AMANAH WANITA YANG PERTAMA DI MALAYSIA DILANCARKAN

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Amanah Saham Wanita (Asnita), tabung amanah yang pertama bagi wanita di Malaysia, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Tabung amanah itu diperkenalkan oleh Pergerakan Wanita Barisan Nasional dan boleh dibeli dengan harga 50 sen seunit dengan pelaburan minimum 200 unit.

Asnita boleh dibeli menerusi Hijrah Unit Trust Management Berhad iaitu sebuah syarikat yang menguruskan pelaburan Asnita atau di 464 cawangan Bank Simpanan Nasional di seluruh negara.

Tabung amanah itu diwujudkan bertujuan membantu kaum wanita tanpa mengira kaum untuk meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat menerusi penyertaan aktif dalam arus ekonomi negara.

Suruhanjaya Sekuriti pada 23 April lepas meluluskan penubuhan Asnita yang mengandungi 400 juta unit saham pada harga penawaran permulaan 50 sen seunit semasa tempoh tawaran permulaan selama 21 hari dari 4 Mei hingga 24 Mei.

Pelaburan tambahan boleh dibuat pada harga pasaran semasa berdasarkan nilai aset bersih unit berkenaan.

Walaupun Asnita diwujudkan khas bagi kaum wanita, amanah saham itu dibuka kepada semua rakyat Malaysia, lelaki dan wanita yang berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, rakyat asing serta perbadanan, institusi dan badan-badan kerajaan.

-- BERNAMA

ARA AKD